

Mahathir gesa setiap rakyat pupuk nilai2 kerajinan

MM 50 NOV 1980
PORT DICKSON, 29 Nov. — Datuk Sri Dr. Mzhathir Mohamad hari ini menggesa setiap rakyat memupuk nilai-nilai kerajinan dan disiplin untuk menjamin kemajuan negara dalam semua bidang sosio-ekonomi.

Timbalan Perdana Menteri itu berkata contoh yang ditunjukkan oleh dua buah negara Asia iaitu Korea Selatan dan Jepun patut difauladani kerana dengan mengamalkan kedua-dua nilai itu, mereka telah mencapai kemajuan pembangunan yang amat pesat.

Sebaliknya katanya, kemalasan rakyat hanya akan membawa kelemahan kepada

negara sebagaimana yang ditunjukkan oleh sebuah negara Eropah yang dulunya pernah menjadi satu kuasa besar di dunia.

Datuk Sri Dr. Mahathir, yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian, menegaskan demikian ketika berucap merasmikan seminar nilai-nilai bersama anjuran Kementerian Penerangan, di Hotel Federal, Teluk Kemang, dekat sini.

Beliau kesal ada golongan yang menerima kemalasan sebagai satu nilai dan tidak setuju rakyat menunjukkan kerajinan yang keterlaluan seperti robot.

Beliau mengingatkan sikap seperti itu akan membawa rakyat kepada satu keadaan yang seterusnya membawa kejatuhan ke-

pada negara sendiri seperti negara Eropah berkenaan.

Katanya setiap rakyat negara ini, yang terdiri dari tiga kaum terbesar, harus mencari persamaan dalam nilai-nilai yang terdapat pada mereka agar perpaduan sebenarnya dapat diwujudkan.

Pentingnya persamaan nilai-nilai antara kaum ini bukan terletak pada kata-kata tetapi apa yang diamalkan ke arah matlamat perpaduan itu, tegasnya.

Beliau berharap seminar yang dianjurkan ini akan membuka jalan mencari segala persamaan nilai-nilai ketiga-tiga kaum itu yang kelak akan mendorong setiap rakyat untuk bersama-sama membangunkan negara.

Timbalan Perdana Menteri menasihatkan para peserta seminar itu mengelakkan diri dari mengecam dan mengkritik tetapi hendaklah menumpukan masa ke

arah mencari nilai-nilai bersama yang dapat membaiki masyarakat sekeliling secara menyeluruh.

Timbalan Menteri Penerangan, Dr. Ling Liong Sik, memberitahu satu kumpulan petugas nilai-nilai bersama telah ditubuhkan oleh kementeriannya untuk mengumpul maklumat-maklumat tradisi dan nilai bersama dalam konteks kebudayaan semua kaum di negara ini.

Perpaduan

Katanya dari kerja-kerja awalan, pasukan petugas ini percaya rakyat kini sedang menuju ke matlamat perpaduan yang nyata kerana sikap dan pandangan mereka yang banyak mempunyai persamaan.

Katanya adalah menjadi tugas setiap rakyat mencungkil nilai-nilai bersama yang terpendam dalam semua jenis kebudayaan dan tradisi dan menggunakannya sebagai asas untuk membentuk satu masyarakat Malaysia yang bersatupadu.

Tiga kertaskerja mengenai nilai-nilai dalam kebudayaan Melayu, Cina dan India akan dibentangkan dalam seminar tiga hari itu yang akan ditutup oleh Menteri Penerangan, Datuk Mohamad Rahmat Isnin ini.